

# ULASAN SOALAN UPSR BAHASA MELAYU SJK 2017

## PENULISAN – Bahagian A

### Jawapan dan Ulasan

- Soalan membina ayat berdasarkan gambar tunggal – 1 gambar.
- Tulis 5 ayat berdasarkan keadaan di sebuah stesen bas.
- 1 Kamala dan Aisyah sedang **duduk** sementara menunggu ketibaan bas yang akan membawa mereka ke kampung.
- 2 Kim Lun sedang **menelefon** ibunya untuk memaklumkan jangkaan masa ketibaannya di Johor nanti.
- 3 Mandy **membuang** kotak minumannya ke dalam tong sampah untuk menjaga kebersihan stesen bas.
- 4 Puan Ming **menghulurkan** wangnya untuk membayar harga tiket bas ke Pulau Pinang kepada petugas kaunter.
- 5 Encik Law sedang **berjalan** menuju ke tempat duduk di stesen bas sambil menarik beg rodanya untuk berehat seketika.

5 ayat contoh yang lain:

- 6 Afida **membaca** buku sambil duduk menunggu bas bersama rakannya untuk pergi ke Kuala Lumpur.
- 7 Ai Ling **menyedut** air minuman tin itu kerana kehausan akibat cuaca panas sepanjang hari.
- 8 Darren **berdiri** untuk menjawab panggilan telefon daripada ayahnya yang bertanyakan harga tiket bas ke Pulau Pinang.
- 9 Petugas kaunter itu **mencatat** maklumat penumpang sebelum menghulurkan tiket bas yang telah dibeli.
- 10 Encik Dawson **menarik** beg rodanya menuju ke kereta setelah tiba dari Melaka atas urusan rasmi.

## PENULISAN – Bahagian B

### Jawapan dan Ulasan

- Soalan menulis ulasan berdasarkan poster.
- Tulis ulasan tentang **Kempen Sayangi Buku Teks Sekolah** dalam bentuk perenggan.
- Panjangnya ulasan hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.

Buku teks sekolah merupakan antara kemudahan yang disediakan untuk setiap murid. Buku teks ini perlu dibalut agar dapat melindungi kulit dan isi buku. Selain itu, buku teks ini juga mestilah dijaga dengan baik seperti disimpan dengan rapi selepas digunakan. Di samping itu, kita janganlah mengoyakkan dan menconteng buku teks agar tidak rosak untuk kegunaan murid lain pada tahun seterusnya. Kesimpulannya, hargailah kemudahan buku teks yang telah disediakan untuk memudahkan kita menimba ilmu pengetahuan.

## PENULISAN – Bahagian C

| Soalan | Jawapan dan Ulasan   |
|--------|--|
| I      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menulis karangan berbentuk laporan berdasarkan maklumat yang diberi.</li> <li>• Karangan tersebut berkaitan Laporan ke Pusat Jualan Kraf Tangan.</li> <li>• Panjangnya karangan hendaklah antara 70 hingga 100 patah perkataan.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b><u>Laporan ke Pusat Jualan Kraf Tangan</u></b></p> <p>Kelab Seni SJKT Gombak telah mengadakan lawatan ke Pusat Jualan Kraf Tangan pada 27 Julai 2017 yang lalu. Lawatan ini disertai oleh 40 orang ahli kelab termasuk guru pengiring. Bayaran RM25.00 dikenakan kepada setiap peserta lawatan sebagai kos pengangkutan dan makanan sepanjang lawatan.</p> <p>Peserta lawatan berada di perkarangan sekolah seawal jam 7.30 pagi. Bas yang membawa peserta lawatan bertolak ke Pusat Jualan Kraf Tangan 30 minit kemudian. Kami tiba di sana kira-kira pada pukul 9.30 pagi.</p> <p>Ketibaan kami disambut oleh Encik Harun iaitu seorang petugas di Pusat Jualan Kraf Tangan itu. Selepas mendengar taklimat ringkas, Encik Harun membawa kami meninjau sekitar kawasan pusat jualan tersebut. Peserta lawatan berasa begitu teruja kerana terdapat pelbagai kraf tangan yang dipamerkan. Antaranya ialah labu sayong, koleksi tembikar, kraf tangan anyaman daripada rotan dan banyak lagi.</p> <p>Kira-kira pukul 12.00 tengah hari, kami berhenti rehat untuk menikmati makan tengah hari. Ketika makan, kami diberi peluang menonton klip video pembuatan sebahagian kraf tangan yang terdapat di situ. Sesudah makan, guru pengiring membenarkan kami membeli kraf tangan yang dijual untuk dijadikan buah tangan.</p> <p>Setelah itu, kami beratur menaiki bas untuk balik ke rumah masing-masing. Lawatan ke Pusat Jualan Kraf Tangan ini telah banyak memberikan manfaat kepada kami. Kami berpeluang melihat sendiri kraf tangan yang dipamerkan selain dapat menambah ilmu pengetahuan.</p> <p>Disediakan oleh,</p> <p style="text-align: right;">30 JULAI 2017</p> <p style="text-align: center;"><i><u>Thanabalan</u></i></p> <p>(THANABALAN A/L MUTHUSAMY)<br/>Setiausaha Kelab Seni,<br/>SJKT Gombak.</p> |

| Soalan | Jawapan dan Ulasan   |
|--------|--|
| 2      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Menulis karangan berbentuk fakta.</b></li> <li>• Karangan tersebut berkaitan aktiviti-aktiviti yang dilakukan untuk mengisi masa lapang.</li> <li>• Panjangnya karangan hendaklah <b>antara 70 hingga 100 patah perkataan</b>.</li> </ul> <p>Masa lapang merupakan masa yang terluang. Pada masa inilah pelbagai aktiviti boleh dilakukan.</p> <p>Pada masa lapang, kita boleh membantu ibu dan bapa di rumah. Contohnya, membantu ibu mencuci pinggan di dapur dan melipat pakaian. Kesannya, kita akan dapat meringankan beban ibu dan bapa di rumah.</p> <p>Selain itu, kita boleh melakukan ulang kaji bersama rakan-rakan pada masa lapang. Aktiviti ini boleh dilakukan di rumah ataupun di perpustakaan sekolah. Kesannya, kita akan dapat mengukuhkan kemahiran yang telah dipelajari di sekolah.</p> <p>Di samping itu, kita boleh beriadah bersama ahli keluarga pada masa terluang. Contohnya, bermain badminton dan berjoging di taman. Kesannya, kita akan dapat menghilangkan tekanan selepas penat mengulang kaji pelajaran.</p> <p>Akhir sekali, pada masa lapang juga kita boleh berkebun bersama ibu dan bapa di rumah. Contohnya, menanam pokok cili dan sawi. Kesannya, badan kita akan mengeluarkan peluh dan menjadi cergas.</p> <p>Kesimpulannya, masa amat berharga dalam kehidupan. Oleh itu, hargailah setiap detik waktu itu dengan aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan faedah.</p> |